

Pemeriksaan B40 Melalui Sektor Pertanian

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Kumpulan isi rumah 40 peratus terbawah atau yang dikenali sebagai B40 adalah golongan isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan tidak melebihi RM3,855. Mengikut Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2014 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, purata pendapatan isi rumah kumpulan B40 adalah RM2,537 sebulan.

Dalam pada itu, Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2014 yang juga dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa purata perbelanjaan bulanan isi rumah B40 adalah RM2,027. Ini bermakna golongan isi rumah B40 membelanjakan 80 peratus daripada pendapatan mereka untuk perbelanjaan keperluan, secara purata.

Justeru, tekanan kos sara hidup yang sering diperkatakan umum seolah-olah tidak berasas kerana secara purata golongan isi rumah B40 masih mempunyai lebih 20 peratus daripada pendapatan mereka setelah ditolak perbelanjaan keperluan bulanan. Namun jika diteliti sumbangan pendapatan isi rumah B40 dengan lebih terperinci, ianya memberi gambaran berlainan, di mana isu peningkatan kos sara hidup ada kebenarannya.

Pendapatan isi rumah disumbangkan oleh empat sumber iaitu gaji dari pekerjaan tetap, pekerjaan sendiri, harta dan pelaburan, dan bayaran pindahan seperti subsidi dari kerajaan. Untuk golongan B40, pendapatan dari gaji pekerjaan tetap adalah sebanyak 50 peratus dari jumlah purata pendapatan mereka. Selebihnya adalah masing-masing 19 peratus dari pekerjaan sendiri dan bayaran pindahan, dan 13 peratus dari harta dan pelaburan.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Jika dilihat kepada komponen yang menyumbangkan kepada pendapatan isi rumah B40, sebenarnya pendapatan dari gaji pekerjaan tetap yang menyumbangkan 50 peratus kepada pendapatan mereka yang benar-benar merupakan wang tunai yang diterima. Manakala, lain-lain sumber pendapatan yang dikira sebagai pendapatan di dalam pengiraan pendapatan mereka tidak semestinya diterima sebagai wang tunai. Umpamanya, nilai sewa rumah yang dikira sebagai pendapatan jika mereka tinggal di rumah sendiri. Manakala, lain-lain sumber pendapatan adalah tidak menentu.

Jika dikira pendapatan dari gaji pekerjaan tetap, isi rumah B40 bolehlah dianggap mempunyai purata pendapatan yang direalisasikan sebanyak RM1269 sebulan. Jumlah ini merupakan nilai tunai sebenar yang boleh dibelanjakan oleh mereka. Jika dibandingkan dengan jumlah perbelanjaan bulanan purata mereka, jelas terdapat ketidaksepadanan antara pendapatan dan perbelanjaan mereka. Jika mereka hanya bergantung kepada pekerjaan tetap, sudah pasti mereka menghadapi tekanan kos sara hidup.

Justeru, penyelesaian isu tekanan kos sara hidup yang dihadapi oleh golongan B40 secara mapan adalah cuma melalui kenaikan pendapatan dari sumber pekerjaan tetap. Untuk jangka panjang, satu perancangan yang komprehensif perlu digubal, untuk meningkatkan pendapatan isi rumah bukan sahaja untuk B40, malah secara menyeluruh.

Sektor pertanian merupakan salah satu sektor penting yang menyumbangkan pekerjaan kepada rakyat. Mengikut data dari Jadual Input-Output 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia, setiap RM1,000 peningkatan kepada permintaan akhir untuk sektor pertanian sembilan pekerjaan baru dicipta di dalam ekonomi. Sektor pertanian juga memberi nilai tambah yang tinggi kepada ekonomi berbanding dengan beberapa sektor lain, termasuk sektor pembuatan. Ini bermakna sektor pertanian memberi sumbangan yang besar kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) sekiranya terdapat peningkatan terhadap permintaan akhir, berbanding dengan sektor pembuatan yang memberi sumbangan yang lebih rendah.

Namun demikian, sumbangan sektor pertanian terhadap pendapatan pekerja di dalam sektor pertanian adalah kecil. Setiap peningkatan permintaan akhir sebanyak RM1.00,

cuma 21.4 sen diterima oleh pekerja di dalam sektor pertanian. Ini menunjukkan ramai pekerja di dalam sektor pertanian menerima pendapatan yang rendah secara relatif. Terdapat 18 peratus isi rumah di kalangan B40 terlibat di dalam sektor pertanian. Manakala, di kalangan penduduk luar bandar pula, 39 peratus isi rumah di kalangan B40 terlibat di dalam sektor pertanian. Maka, setiap langkah yang diambil untuk meningkatkan pendapatan pekerja di dalam sektor pertanian, sebahagian besar isu B40 dapat di atasi.

Para petani mampu mengambil langkah sendiri untuk meningkatkan pendapatan mereka, antara lain dengan meningkatkan kecekapan dan produktiviti sektor pertanian. Masalah utama yang dihadapi oleh para pekebun kecil dan nelayan adalah operasi mereka yang kecil, maka operasi mereka tidak mempunyai ekonomi skala. Mereka menjalankan aktiviti ekonomi yang kurang efisien serta kurang produktif.

Satu langkah yang boleh diambil oleh para petani adalah dengan bekerja secara berkumpulan supaya mereka mempunyai saiz operasi yang besar. Ini boleh dilakukan, umpamanya, melalui koperasi. Dengan konsep kerjasama ini, masalah saiz yang kecil dapat diatasi dan dengan pengurusan yang baik kecekapan dan produktiviti boleh ditingkatkan.

Terdapat koperasi yang ditubuhkan melalui inisiatif kerajaan menghadapi kegagalan. Untuk meningkatkan keberangkalian kejayaan koperasi, ianya perlu dibentuk atas inisiatif dan komitmen para petani sendiri. Koperasi perlu dijalankan secara komersial dengan disiplin yang tinggi. Para graduan pertanian dan lain-lain profesional berkenaan perlu juga melibatkan diri. Malah koperasi pertanian moden yang berjaya bukan sahaja menumpukan kepada pengeluaran komoditi, tetapi meliputi keseluruhan rantai nilai dari pengeluaran, pengagihan sehinggalah kelain-lain aktiviti hiliran yang berkaitan.

Satu contoh koperasi yang berjaya di Korea adalah *Koperasi Organik Hansalim*. Koperasi ini mengeluarkan produk organik melalui ladang kontrak melibatkan hampir 2,000 ahlinya dan mereka menjual produk mereka melalui pasar milik koperasi di bandar-bandar. Kejayaan mereka boleh dipelajari dan ianya memberi erti yang lebih tepat terhadap konsep 'pertanian adalah satu perniagaan'.